

MODUL INTENSIF UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK
BAHASA MELAYU
MODUL 20

Bahagian A
[10 markah]

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Baju Soh Kin _____ kerana terkena duri.
A. pecah
B. patah
C. koyak
D. bocor

2. Suzi pulang _____ sekolah pada pukul 1:00 tengah hari.
A. di
B. dari
C. pada
D. daripada

[1 markah]

[1 markah]

Pilih ayat yang betul.

3. A. Mereka-mereka itu murid Tahun Enam Cemerlang.
B. "Kami tinggal di mana?" tanya Alif kepada rakannya.
C. Encik Malek ialah jiran saya. Beliau sangat mesra dan baik hati.
D. "Cikgu, boleh kamu tolong saya?" tanya Lim kepada Cikgu Farid.

[1 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Cikgu Aina ialah guru kelas Tahun Enam Bintang. Beliau sangat rajin dan tegas ketika mengajar. Pada suatu hari, beberapa orang murid berbual semasa beliau sedang mengajar. Beliau menegur sikap murid-murid tersebut.

"Ji Weng, Asraf, Alif. Jangan berbual semasa saya sedang mengajar," kata Cikgu Aina dengan tegasnya. Suara beliau agak kuat. Murid-murid yang lain seperti Kim Lai dan Zubir terkejut. Mereka tidak berani berbual kerana takut dimarahi oleh Cikgu Aina.

4. Mengapakah Cikgu Aina menegur sikap murid-muridnya?
A. Mereka malas belajar.
B. Mereka takut kepadanya.
C. Mereka gagal menjawab soalnya.
D. Mereka berbual semasa beliau sedang mengajar.

[1 markah]

5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

- A. Cikgu Aina ialah guru kelas Tahun Lima Bintang.
- B. Kim Lai terkejut apabila dimarahi oleh Cikgu Aina.
- C. Ji Weng, Asraf dan Alif ialah murid Tahun Enam Bintang.
- D. Cikgu Aina menegur murid-muridnya dengan suara yang perlahan.

[1 markah]

6. Yang berikut ialah murid yang ditegur oleh Cikgu Aina berdasarkan petikan *kecuali*...

- A. Alif
- B. Asraf
- C. Zubir
- D. Ji Weng

[1 markah]

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1



- diisytiharkan sebagai Bunga Kebangsaan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman pada 28 Julai 1960
- dipilih kerana bunga ini mudah didapati dan warnanya yang cantik
- warna merah melambangkan keberanian
- mempunyai lima kelopak

BAHAN 2

Mei Tan : Bunga yang berwarna merah di halaman rumah kamu itu bunga apa, Zana?

Zana : Itulah bunga raya. Bunga itu ialah Bunga Kebangsaan negara kita.

Mei Tan : Wah, cantiknya bunga raya! Warnanya sangat merah.

Zana : Bunga raya bukan sahaja cantik tetapi mudah didapati di negara kita. Bunga itu telah diisytiharkan sebagai Bunga Kebangsaan oleh Tunku Abdul Rahman pada 28 Julai 1960. Warna merah bunga itu melambangkan keberanian.

Mei Tan : Oh, begitu! Saya akan meminta ibu saya menanam pokok bunga raya di halaman rumah kami.

Zana : Bagus, Mei Tan.

7. Warna merah pada bunga raya melambangkan _____.

- A. kekuatan
- B. kehebatan
- C. keberanian
- D. kemasyhuran

[1 markah]

8. Bunga itu ialah Bunga Kebangsaan negara kita.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah ...

- A. helai
- B. batang
- C. keping
- D. kuntum

[1 markah]

9. Perkataan *mudah* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan...

- A. sesuai
- B. murah
- C. banyak
- D. senang

[1 markah]

10. Pilih pernyataan yang benar tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.

- A. Bunga raya mempunyai enam kelopak.
- B. Mei Tan tidak suka akan warna bunga raya.
- C. Pokok bunga raya tidak banyak ditanam di negara kita.
- D. Mei Tan mahu menanam pokok bunga raya di halaman rumahnya.

[1 markah]

Bahagian B

[10 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tidak lama lagi, Shanti dan keluarganya akan menyambut perayaan Hari Deepavali. Mereka sedang sibuk membuat persiapan. Ibu Shanti membuat kuih tradisional kaum India seperti murukku. Shanti dan kakaknya pula sibuk mengemas rumah.

Shanti sudah tidak sabar untuk menyambut perayaan tersebut. Dia mahu memakai baju baharu dan cantik. Dia mahu menikmati makanan yang enak. Selain itu, dia mahu mengunjungi rumah saudara-maranya.

"Kita akan bergembira sepuas hati," kata Shanti kepada kakaknya.

1. (a) Shanti dan keluarganya akan menyambut _____.

[1 markah]

- (b) Mengapakah Shanti dan keluarganya sibuk membuat persiapan?

- A. Mereka mahu memakai pakaian baharu dan cantik.
- B. Mereka mahu menikmati makanan yang enak.
- C. Mereka mahu mengunjungi rumah saudara-mara.
- D. Mereka mahu menyambut perayaan Hari Deepavali.

[2 markah]

Bulatkan satu kata kata nama am yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Dia mahu memakai baju baharu dan cantik.

[1 markah]

(d) Pilih dan tulis **BETUL** bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

“Kita akan bergembira sepuas hati,” kata Shanti kepada kakaknya.

Shanti menyuruh kakaknya supaya bergembira sepuas hati.	
Shanti memberitahu kakaknya bahawa mereka akan bergembira sepuas hati.	

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

2.

Shima gemar makan nasi lemak. Pada suatu hari, dia makan nasi lemak di sebuah gerai di tepi longkang besar. Gerai itu dipenuhi lalat.

Berdasarkan situasi di atas, apakah yang mungkin akan terjadi kepada Shima? Ramalkan.

- ☐ Shima akan berasa puas hati makan di gerai itu bersama-sama rakannya.
- ☐ Shima akan sakit perut kerana mengalami keracunan makanan.

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti yang dilakukan bersama-sama jiran tetangga.

Tulis pendapat kamu tentang cara-cara memupuk semangat kejiiran.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Panduan:


- semangat kejiiran amat penting – jiran ialah orang yang tinggal dekat dengan kita
- antara cara memupuk semangat kejiiran – bertegur sapa dan bertanya khabar
- menziarahi rumah jiran semasa perayaan – mengeratkan hubungan kejiiran
- saling berkenalan dan bekerjasama – melakukan aktiviti gotong-royong.

[10 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Aktiviti Gotong-



1. Tulis cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tulis surat kiriman tidak rasmi berdasarkan gambar di atas.

Panduan:

Pendahuluan:

- pada hari Ahad yang lalu – menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan taman permainan
- dianjurkan oleh Persatuan Penduduk Taman Sentosa

Isi 1:

- tujuan aktiviti itu diadakan – menjaga kebersihan dan keindahan taman permainan
- para peserta ditugaskan – membersihkan taman
- membaiki alat mainan yang rosak

Isi 2:

- mengutip sampah yang bertaburan
- banyak sampah dapat dikutip – botol plastik, tin minuman dan bekas makanan

Isi 3:

- aktiviti gotong-royong selesai - pukul 11.00 pagi
- taman permainan menjadi bersih – indah

Penutup:

- sebelum bersurai – berehat – menikmati jamuan ringan
- amat gembira – dapat membersihkan taman